

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Khamis, 19hb Disember, 1963 pukul 10.00 pagi

No. 25

73

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- \*1. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Buroh dan Kebajikan Masharakat berapa bilangan orang2 yang hilang kerja-nya dengan kerana terputus perhubungan perniagaan dengan Indonesia, dengan di-terangkan berapa ramai pada tiap2 satu kawasan.
- \*2. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Buroh dan Kebajikan Masharakat apa langkah yang telah di-jalankan oleh Kerajaan bagi menolong orang2 yang tidak bekerja ini dan berapa ramai yang telah pun mendapat kerja.
- \*3. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Kesihatan bila-kah akan di-letakkan batu asas tapak rumah sakit baharu di-Klang.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2  
USUL

- 1. (DR.37/63) Rang Undang2 Perbekalan, 1964 -  
Membahathkan lagi atas usul  
"Bahawa Rang Undang2 ini hendak-  
lah di-bachakan kali yang Kedua"  
(16hb Disember, 1963).
- 2. Membahathkan lagi Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan (No.3) tahun 1963 (Cmd. 45 tahun 1963) dalam Jawatan Kuasa sa-buah2 Majlis (18hb Disember, 1963).
- 3. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebih daripada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan dari pada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kesembilan dan kesa-puloh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.

4. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalahgunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

5. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubohkan Majlis Kebudayaan Negara.

6. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kepada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang di-pileh semua sa-kali Ahli2-nya dalam Pilehan Raya.

7. Enche' Lim Huan Boon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalahgunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan Sa-kerja, dan menuntut supaya di-bebaskan dengan serta-merta dengan tiada bersharat atau di-bicharakan dalam Mahkamah Undang2.